

BAB 4: Aktiviti pengumpulan berita dan maklumat tak langsung daripada wakil kedutaan luar negara

Pegawai daripada kedutaan asing itu mendapatkan maklumat dan berita mengenai perkembangan berkaitan situasi politik dan ekonomi dengan menghadiri majlis anjuran agensi kerajaan dan swasta. Kehadiran mereka di sesuatu majlis itu bertujuan mendapatkan seberapa banyak maklumat berhubung perkembangan semasa di negara ini. Semua maklumat yang diperolehi itu akan dikemukakan dalam bentuk laporan yang dibentangkan dalam setiap mesyuarat sama ada mingguan atau bulanan.

Laporan mengenai perkembangan politik dan ekonomi yang diperolehi oleh wakil kedutaan ini akan diserahkan kepada pegawai atasan mereka. Pengumpulan berita dan maklumat oleh pegawai ini perlu kerana mereka adalah sumber utama kepada kerajaan, pelabur dan penduduk di negara asal. Penduduk di negara mereka terutama pelabur memerlukan maklumat sebenar mengenai keadaan dan iklim pelaburan di Malaysia. Para Pelabur akan merujuk ke pejabat kedutaan mereka di Malaysia sebelum mengambil keputusan melabur di sini.

Walaupun media barat sering melaporkan berita negatif terhadap negara ini, namun pelabur masih datang kerana mereka mempunyai sumber lain yang boleh dipercayai iaitu daripada kedutaan. Maklumat yang diperolehi menyakinkan mereka bahawa pelaburan di negara ini selamat dan perkembangan ekonomi serantau membantu pelaburan mereka.

Pemerhatian mendapati wakil pegawai dari pejabat kedutaan asing menghadiri majlis rasmi anjuran agensi kerajaan dan korporat. Pegawai berkenaan memberi tumpuan kepada majlis yang dihadiri tetamu hormat seperti Perdana Menteri, Timbalan Perdana Menteri dan menteri kanan.

Wakil pegawai kedutaan asing ini juga menjalankan tugasan lain terutama ketika perbicaraan kes rasuah dan liwat bekas Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim di Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur. Pegawai ini juga memberi tumpuan dalam liputan perbicaraan bekas Ketua Polis Negara, Tan Sri Abdul Rahim Noor atas tuduhan dengan sengaja mencederakan Anwar ketika dalam lokap di Bukit Aman pada 20 September 1998.

Dua sesi perbicaraan ini menjadi tumpuan utama wakil kedutaan asing kerana isu yang dibangkitkan menjadi tumpuan dunia luar. Kehadiran wakil kedutaan itu dalam perbicaraan berkenaan ialah untuk mendapatkan gambaran sebenar mengenai perkara itu. Tindakan pihak pengurusan kedutaan asing menghantar pegawai mereka menghadiri perbicaraan untuk mendapatkan maklumat dari perspektif mereka sendiri tanpa bergantung penuh kepada maklumat yang dibekalkan oleh media tempatan dan asing.

Jadual 4

Pegawai kedutaan yang menghadiri perbicaraan kes Datuk Seri Anwar Ibrahim di Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur

Nama pegawai	Negara	Jawatan
Theodore J. Lyng	Amerika Syarikat	Pegawai hubungan luar
Leslie Alexander Keir James	Kanada	Penasihat kedua
Per Jakob Kum Nilsson	Sweden	Setiausaha kedua
Jutta Laitala	Finland	Pegawai hubungan luar

(Sumber Polis Diraja Malaysia)

Keempat-enam pegawai daripada kedutaan ini adalah mereka yang menjalankan tugas bermula perbicaraan kes rasuah Anwar pada 2 November 1998 hingga keputusan 14 April 1999. Nama mereka disenaraikan dalam buku catatan kedatangan Polis Diraja Malaysia sebagai rujukan lanjut. Walaupun ada wakil kedutaan dari Australia dan Perancis datang membuat liputan dalam perbicaraan ini, namun namanya tidak tersenarai kerana kehadiran pegawai ini tidak tetap.

4.1 Peranan pegawai kedutaan sebagai pengumpul maklumat di majlis rasmi kerajaan dan korporat

Pegawai kedutaan yang hadir di majlis sedemikian berperanan sebagai wartawan tidak rasmi walaupun mereka tidak perlu menyiaran berita atau maklumat yang diperolehi. Mereka hanya dikehendaki melaporkan maklumat itu kepada ketua masing-masing dan dikemukakan dalam bentuk laporan rasmi.

Di majlis sedemikian, mereka kelihatan berada dalam kumpulan wartawan asing dan tempatan. Mereka akan merujuk maklumat dan fakta yang diperolehi oleh wartawan lain dalam tugasannya itu.. Melalui tugasannya itu, pegawai kedutaan tadi mendapat maklumat pertama *first hand information*.

Maklumat yang diperolehi sendiri oleh wakil kedutaan itu akan menjadi rujukan awal mengenai sebarang isu yang dibangkitkan. Fakta ini penting sebagai rujukan utama berhubung isu politik dan ekonomi semasa negara ini. Mereka perlu melengkapkan diri dengan maklumat sedemikian selain membuat rujukan sampingan berhubung isu yang sama dengan media tempatan dan asing.

Kehadiran mereka ini di majlis anjuran korporat dan kerajaan berdasarkan undangan. Pegawai ini juga tidak menghadapi masalah menjalankan tugas di mahkamah. Tidak ada sebarang peraturan yang menyekat mereka menjalankan tugas sedemikian. Mereka hanya perlu meletakkan pasport atau kad pengenalan diri sebagai wakil kedutaan kepada pegawai polis yang bertugas di pintu masuk mahkamah.

Keadaan sedemikian menunjukkan bahawa negara ini begitu bebas dan membenarkan orang luar terutama wakil kedutaan untuk mendapatkan maklumat berhubung isu yang dianggap boleh mengaibkan negara itu. Kerajaan tidak pernah menyekat orang luar untuk mendapatkan maklumat berhubung pelbagai isu di negara ini untuk mereka sampaikan kepada golongan sasar di negara asal.

4.2 Pengumpulan maklumat terus daripada sumber tanpa bergantung kepada media tempatan dan asing

Kewujudan pegawai daripada kedutaan di majlis tertentu ini bagi memastikan mereka mendapat maklumat terkini dengan fakta yang lengkap tanpa bergantung kepada media tempatan dan asing. Pengumpulan maklumat itu dilakukan kerana mereka perlu memandang sesuatu isu itu mengikut keperluan dan pandangan mereka sendiri.

Seorang pegawai kedutaan Finland, Jutta Laitala ketika ditemui semasa menghadiri perbicaraan kes rasuah Datuk Seri Anwar Ibrahim, berkata dia ditugaskan mengikuti perbicaraan ini untuk mendapatkan gambaran sebenar mengenai isu yang dibangkitkan hingga menjadi perhatian media seluruh dunia.

Beliau berkata semua maklumat yang diperolehi ini akan dikemukakan melalui laporan rasmi dari semasa ke semasa kepada pegawai atasan. Selain mengikuti perbicaraan ini, dia juga menjalani tugas lain termasuk menghadiri majlis rasmi anjuran agensi kerajaan dan swastā. Tujuan diberi tugasan sedemikian ialah pihak kedutaan negaranya mahukan maklumat pertama daripada wakil mereka sendiri tanpa bergantung sepenuhnya kepada laporan wakil media asing atau media tempatan.

Beliau secara peribadi berkata, daripada apa yang dibaca melalui akhbar di negaranya, dia tidak menyangka keadaan di negara ini jauh lebih baik daripada apa yang dilaporkan. Menurut beliau, sebagai sebuah negara yang bebas daripada sebarang sekatan terhadap akhbar, Finland dapat menumpukan perhatian sepenuhnya kepada laporan yang seimbang dan tidak menyebelahi mana-mana pihak terutama membabitkan isu di negara dunia ketiga.

Beliau juga mengatakan bahawa laporan yang dibaca sebelum ini menunjukkan seolah-olah negara ini tidak sesuai dijadikan destinasi pelancongan utama. Beliau seterusnya mendapati bahawa pemaparan sedemikian ternyata tidak benar. Pemerhatian Laitala mendapati akhbar di negara ini bertanggungjawab terhadap masyarakat dan kerajaan. Sekatan yang dikenakan hanya membabitkan laporan berhubung isu yang boleh menjelaskan keharmonian masyarakat yang terdiri daripada pelbagai kaum dan keturunan.

Beliau berpendapat kebebasan akhbar secara mutlak yang diperolehi tidak bermakna jika peluang itu dijadikan alat untuk menghancurkan sistem pemerintahan sedia ada. Keadaan itu sekali gus menjelaskan ekonomi dan menyebakan masyarakat berpecah hingga wujud rusuhan kaum.

Penasihat Kedua Kedutaan Kanada, Leslie Alexander Keir James, berkata tugasannya di majlis rasmi kerajaan dan swasta serta menghadiri perbicaraan kes penting di negara ini bertujuan mendapatkan maklumat terkini berhubung isu berkaitan.

Beliau berkata, semua maklumat yang diperolehi itu akan dikemukakan dalam mesyuarat dan dikemaskinikan dalam satu laporan rasmi. Laporan itu akan dikemukakan kepada pihak kerajaan. Maklumat sedemikian juga dikumpul sebagai rujukan pertama kepada pelabur di negaranya untuk mendapatkan gambaran sebenar mengenai iklim perdagangan di Malaysia.

Tugasannya lebih banyak dilakukan dengan membuat pemerhatian mengenai isu yang dibangkitkan. Semua maklumat yang diperolehi itu akan dibandingkan dengan laporan oleh media asing dan media tempatan. Melalui perbandingan itu dia dapat lihat wujud laporan yang berbeza di antara media tempatan dan asing walaupun membabitkan isu yang sama.

Dia yakin perbezaan itu wujud disebabkan oleh beberapa faktor, antaranya struktur pemilikan di mana negara yang memiliki agensi berkenaan mempunyai agenda dengan melaporkan sesuatu isu mengikut pandangan mereka sendiri.

Duta Normay ke Malaysia, Fred Herald Nomme, ketika ditemui di majlis rasmi kerajaan berkata, dia mempunyai tugas besar di negara ini. Dia dengan dibantu pegawai kedutaan yang lain terpaksa bersaing dengan media asing bagi memberi gambaran sebenar mengenai situasi politik dan ekonomi di negara ini.

Faktor CNN adalah antara yang perlu diberi perhatian dalam menyediakan maklumat berhubung pelbagai isu di negara ini. Dia menyifatkan Malaysia terpaksa berkerja kuat untuk memperbaiki imej yang dicemar oleh laporan tidak bertanggungjawab media asing yang disebarluaskan ke seluruh dunia.

Beliau berkata, selain paparan negatif mengenai negara yang ditayangkan di seluruh dunia, Malaysia sekali lagi terpaksa menanggung kerugian apabila mencatatkan kejatuhan 12 peratus kedatangan pelancong ke negara ini, kemerosotan paling teruk sejak 1990.

Nomme berkata, saingannya di negara ini ialah media asing. Laporan media asing yang diperhatikan jauh menyimpang daripada hakikat sebenar apabila menjadikan hura-hara di Indonesia sebagai sesuatu yang sedang berlaku di seluruh Asia Tenggara. Menurutnya, kemampuan Malaysia mengatasi Nigeria dari segi pendapatan dikagumi, walaupun kedudukan ekonomi kedua-dua negara hampir sama beberapa tahun lalu dan Nigeria boleh mengeluarkan petroleum tiga kali ganda banyak berbanding Malaysia.

4.3 Dapatkan gambaran sebenar isu semasa

Kehadiran pegawai kedutaan di majlis rasmi kerajaan atau tugas lain yang turut dihadiri wartawan tempatan dan asing ini penting kerana mereka berfungsi sebagai egen yang memberi maklumat yang seimbang berhubung isu semasa kepada golongan sasar di negara masing-masing.

Dengan adanya pegawai kedutaan ini, mereka sekurang-kurangnya dapat melihat sendiri keadaan sebenar negara dengan corak pemerintahan dan perkembangan positif ekonomi sejak kebelakangan ini. Maklumat itu dapat digunakan untuk golongan sasar terutama pelabur dari negara asal untuk melabur di negara ini.

Penduduk luar juga mempunyai saluran informasi alternatif dan tidak hanya bergantung kepada berita yang dilaporkan oleh media asing yang kebanyakannya tidak memberi gambaran sebenar keadaan di negara ketiga terutama Malaysia. Wujudnya pegawai kedutaan dari negara maju untuk mendapatkan maklumat dan berita berhubung isu semasa di negara ini, jelas menunjukkan bahawa mereka juga tidak bergantung sepenuhnya kepada maklumat yang disediakan oleh agensi berita dunia yang mana kesahihannya diragui.

Sikap ingin tahu secara mendalam mengenai isu sama ada positif atau negatif di negara ini, menjadikan mereka sebagai kumpulan yang terus-terusan berusaha mendapatkan seberapa banyak maklumat bagi tujuan penguasaan minda masyarakat sekitar mereka. Penguasaan minda masyarakat itu penting kerana mereka perlu menyesuaikan diri dengan persekitaran terutama di kalangan penduduk untuk mendapatkan lebih banyak maklumat dan pengetahuan am. Penguasaan itu sekaligus membolehkan mereka menerapkan nilai imperialism kepada masyarakat setempat.

Ini dapat dilihat dalam urusan mereka mempromosikan barang dari negara asal kepada pengguna di negara ini. Sebagai contoh Kedutaan Perancis di negara ini biasanya akan melancarkan sendiri barang berjenama dari negara mereka untuk pasaran tempatan.

Pegawai kedutaan asing yang berperanan sebagai pengumpul maklumat dan berita bagi pihak negara mereka ialah sebagai usaha mereka mendapatkan berita dan maklumat mengikut kaca mata mereka sendiri. Usaha itu sebagai persediaan mendapatkan maklumat pertama tanpa bergantung sepenuhnya kepada sumber media tempatan dan asing.

Kehadiran pegawai di majlis rasmi ini menunjukkan bahawa pihak pengurusan lebih senang menghantar pegawai mereka sendiri untuk mendapatkan gambaran sebenar mengenai sesuatu isu yang berbangkit. Sumber daripada media tempatan dan asing juga diambil kira sebagai penyumbang maklumat dan berita utama.

Bagaimanapun dalam masa yang sama, mereka mahukan wakil mereka sendiri mendapatkan maklumat sedemikian. Wakil kedutaan ini boleh dikategorikan sebagai sumber ketiga sumbangan maklumat dan berita, selain media tempatan dan asing di sebuah negara itu. Tindakan itu menggambarkan scolah-olah mereka tidak menerima sepenuhnya kepada maklumat yang disediakan dan berusaha untuk memperolehi kefahaman berdasarkan sumber tersendiri.